

Nik Aziz
mahu temui
Dr. Mahathir

UM 25 MAY 2000

KOTA BHARU 25 Mei - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat akan menemui Perdana Menteri berhubung pinjaman mudah sebanyak RM600 juta bagi mengatasi masalah pembangunan sumber air.

Katanya, beliau akan menjelaskan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai pentingnya pinjaman itu dalam menangani masalah tersebut.

"Kertas kerja dari segi perundangan, kewangan dan teknikal akan siap sehari dua ini dan dikemukakan kepada Exco 31 Mei ini," katanya selepas merasmikan bangunan baru Kedai Buluh hari ini.

Buat masa ini, Air Kelantan Sdn. Bhd. syarikat tunggal pembekalan air di negeri ini kini diletakkan di bawah Perbadanan Menteri Besar selepas konsepsi penswastaaan dengan syarikat dari London Thame Water ditamatkan pada April tahun lepas.